

Utusan Malaysia
9 October 2017

Lebih 1,000 sertai Kota Tinggi MTB Jamboree

KOTA TINGGI 8 Okt. Lebih 1,000 peminat sukan basikal lasak dari dalam dan luar negara menyertai Kota Tinggi MTB Jamboree 4.0 2017 anjuran Johor Corporation (JCorp) menerusi Kulim (Malaysia) Berhad dan Pejabat Daerah Kota Tinggi, semalam.

Acara yang memasuki edisi keempat penganjurannya itu berlangsung di Kulim Eco Trail Retreat, Ladang Basir Ismail, dekat sini.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim berkata, acara itu terbahagi kepada sembilan kategori mengikut had umur dan jantina dengan jarak kayuhan terbahagi kepada dua disiplin, iaitu sejauh 25 kilometer (km) dan 42 km.

“Objektif utama penganjuran acara ini untuk memperkenalkan Kulim Eco Trail Retreat serta Sungai Johor secara amnya sebagai sebuah pusat rekreasi eko-pelancongan terunggul di wilayah ini yang bukan hanya menawarkan keindahan flora dan fauna serta variasi aktiviti menarik, malah berupaya menjadi lokasi penganjuran acara bertaraf antarabangsa.

“Acara ini juga merupakan satu daripada inisiatif JCorp menerusi Kulim (Malaysia) Berhad menyahut seruan kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat mengamalkan gaya hidup sihat,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kulim (Malaysia) Berhad, Zulkifly Zakariah berkata,



PARA peserta menyertai acara Kota Tinggi MTB Jamboree 4.0 2017 di Kulim Eco Trail Retreat, Ladang Basir Ismail, Kota Tinggi, Johor, semalam.

pertandingan yang menawarkan hadiah keseluruhan RM15,000 termasuk lebih 100 hadiah cabutan nombor bertuah itu merupakan satu daripada tanggungjawab korporat pihaknya.

“Menerusi penganjuran acara seperti ini, kita dapat lihat peningkatan jumlah pengunjung ke Kulim Eco Trail Retreat yang turut memberi impak jangka panjang terhadap industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan.

“Selain itu, kehadiran peserta yang ramai khususnya dari luar Johor membuatkan permintaan terhadap homestay atau inap desa yang diusahakan oleh masyarakat tempatan meningkat saban tahun. Menerusi acara ini juga Kulim (Malaysia) Berhad tampil memperkenalkan dan mempromosikan produk seperti nanas MD2 di bawah jenama Melita serta lain-

lain produk oleh unit-unit dan syarikat di bawah Kulim (Malaysia) Berhad,” katanya.

Ietua Divisyen Khidmat Korporat dan Pembangunan Bisnes Kulim (Malaysia) Berhad, Abdul Shukor Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa penganjur berkata, tema Superhero yang diketengahkan pihaknya menampilkan sembilan kategori pertandingan berbanding empat kategori sebelum ini.

“Empat kategori baharu yang diperkenalkan ialah Senior Veteran (lelaki & wanita), Super Kids, Fantastic 4 (berkumpulan) dan Heavyweight (atas 90kg).

“Ini diperkenalkan untuk memberi lebih peluang kepada peserta memenangi pelbagai hadiah yang disediakan dan menggalakkan lebih ramai terabit dalam sukan basikal lasak,” ujarnya.